

24/02/2003

Pendidikan Islam di SK perlu pendekatan baru

Syuhada Choo Abdullah

LANGKAH untuk mengajar subjek Pendidikan Islam pada sesi berasingan selepas waktu sekolah perlu memberi ruang lebih banyak kepada pengajaran secara amali, berbanding pendekatan di kebanyakan sekolah kebangsaan (SK)

sekarang, yang lebih memberi penekanan aspek teori kerana kesuntukan waktu.

Sehubungan itu, waktu yang lebih panjang perlu diperuntukkan berbanding

yang ada sekarang, bagi membolehkan pengajaran secara amali dilaksanakan,

seperti membaca al-Quran, selaras dengan langkah semakan semula kurikulum

SK.

Tinjauan Berita Harian mendapati, beberapa pertubuhan guru dan ibu bapa

menyifatkan pendekatan itu amat penting dan bertepatan dengan hasrat kerajaan memastikan pengajaran Pendidikan Islam lebih berkesan dalam membentuk keperibadian pelajar dan kehidupan, berlandaskan Islam.

Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia (KKGLMSM), Awang Mohamad, berkata waktu subjek Pendidikan Islam di SK ketika ini memang tidak mencukupi, dan ia adalah antara punca ibu bapa cenderung untuk menghantar anak mereka ke sekolah agama (bukan di bawah Kementerian Pendidikan).

Berbanding kurikulum sedia ada yang lebih menjurus kepada aspek teori kerana kekurangan waktu, beliau berkata, pendekatan amali dapat memperkaya

dan memantapkan penguasaan pelajar terhadap ilmu agama seperti membaca al-

Quran dengan betul, berwuduk, sembahyang berjemaah serta menyembahyangkan jenazah.

Sehubungan itu, katanya, cadangan melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam pada sesi berasingan selepas waktu sekolah yang sedang dikaji kerajaan, adalah positif dan disokong berikutan waktunya dapat dipanjangkan, sekali gus boleh menggunakan pendekatan amali.

"Melalui pelaksanaan pembelajaran subjek Pendidikan Islam pada sesi berasingan itu, ibu bapa juga tidak perlu lagi menghantar anak mereka ke sekolah agama selepas waktu persekolahan selain dapat mengawasi pelajar daripada terbabit dalam aktiviti tidak berfaedah seperti melepak atau berpeleseran," katanya.

Beliau mengulas laporan akhbar Jumaat lalu yang memetik Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai berkata kerajaan sedang mengkaji kemungkinan melaksanakan pembelajaran subjek Pendidikan Islam pada sesi berasingan selepas waktu sekolah apabila menyemak semula kurikulum SK.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan turut mengkaji pendekatan Pendidikan

Islam yang diamalkan di Johor, selain kurikulum subjek berkenaan bagi

memastikan pelajaran itu lebih berkesan dalam membentuk peribadi dan kehidupan cara Islam.

Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM), Abu Hassan Sidek, berkata jadual kerja guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam di

SK boleh diubah suai sekiranya cadangan pembelajaran pada sesi berasingan

itu dilaksanakan, sekali gus tidak timbul masalah kerja lebih masa.

Dalam konteks itu, katanya, pengajaran Pendidikan Moral pada sesi persekolahan biasa mungkin boleh turut diikuti pelajar Islam sebagai penambahan ilmu pengetahuan mereka yang dapat membantu lagi proses pembentukan sahsiah positif mereka.

Dari segi langkah kerajaan menyusun semula kurikulum Pendidikan Islam pula, beliau turut sependapat bahawa waktu mata pelajaran itu perlu dipanjangkan dan pendidikan amali harus diberi lebih banyak penekanan, terutama kemahiran membaca al-Quran.

"Semakan semula terhadap kurikulum Pendidikan Islam adalah untuk kepentingan rakyat negara ini. Sehubungan itu, kajian berkenaan perlu dilakukan secara menyeluruh dengan mengambil kira kehendak masyarakat, bukan melihat satu-satu model saja," katanya.

Presiden Kongres Kesatuan Guru Dalam Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (Kongres), Prof Madya Dr Abdul Rahman Daud, berkata sekiranya pengajaran Pendidikan Islam dilaksanakan pada sesi berasingan selepas waktu sekolah,

ibu bapa tidak perlu lagi menghantar anak ke sekolah agama, yang memberi kesempatan kepada pihak tertentu menyebarkan fahaman politik.

Sebaliknya, beliau yang juga Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia

Barat (KGMMB) berkata, pelajar akan mengikuti Pendidikan Islam sebenar yang diajar oleh guru terlatih berdasarkan kurikulum seragam dan menjurus

ke arah pembentukan peribadi murni, bukan pengajaran berbau hasutan.

"Dalam semakan semula kurikulum Pendidikan Islam, aspek penghayatan perlu diberi penekanan. Justeru, pendidikan amali harus menjadi fokus," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru

Nasional (PIBGN), Prof Madya Mohamad Ali Hasan, pula berpendapat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam tidak sepatutnya dilaksanakan

pada sesi berasingan selepas waktu sekolah.

Beliau berkata, ini kerana langkah itu akan memberi gambaran seolah-olah

mata pelajaran berkenaan tidak termasuk dalam aliran perdana sistem pendidikan negara.

Sehubungan itu, katanya, pengajaran subjek Pendidikan Islam selepas waktu sekolah harus dilaksanakan sebagai penambah ataupun pelengkap kepada

pembelajaran yang diadakan dalam jadual biasa.

Ini bermakna pengajaran mata pelajaran itu tidak diasingkan daripada jadual sesi persekolahan sedia ada.

"Sesi tambahan itu akan membolehkan banyak aktiviti amali Pendidikan Islam diadakan. Semakan semula terhadap kurikulum subjek berkenaan harus membabitkan kajian yang tuntas serta tidak terburu-buru dengan mengambil

kira dan menyepadukan pandangan semua pihak, termasuk ibu bapa, ulama, masyarakat serta pakar pendidikan. Ia harus menyeluruh mencakupi ilmu pengetahuan kedua-dua aspek fardu ain dan fardu kifayah," katanya.